

Perdana Menteri jamin hak tuan tanah selamat

BM 17 MAR 1985

TELUK INTAN, Sabtu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada tuan-tuan tanah terbiar bahawa mereka tidak perlu bimbang akan kehilangan harta itu sekiranya tanah mereka dicantumkan menjadi mini-estet.

Kata beliau soal mencantumkan tanah tidak harus dijadikan rintangan menyertai projek seumpama itu kerana harta itu akan kekal milik mereka dan apa yang akan diagih-agihkan ialah hasil daripada sesuatu projek itu mengikut saiz tanah masing-masing.

Ketika merasmikan Koperasi Serbaguna Blok A dan C Kampung Bukit Chawi Berhad di kampung itu di Seberang Perak dekat sini hari ini, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak berniat mencari duit daripada rakyat miskin melalui projek seumpama itu.

Malahan untuk projek mini estet padi di Kampung Bukit Chawi kerajaan meluluskan bantuan pelancaran \$1 juta, katanya.

Koperasi itu dengan 380 anggota sedang memajukan 1,120 hektar sawah milik penduduk tempatan yang terbiar sejak 18 tahun lalu untuk dijadikan mini-estet padi.

Perdana Menteri mahukan tuan punya tanah kecil yang terbiar di kampung-kampung supaya mengikis perasaan cemburu terhadap apa

yang akan dilakukan oleh kerajaan dengan tanah mereka.

Sebaliknya mereka harus menunjukkan keyakinan dapat menambah pendapatan secara menggabungkan kampung mereka menjadi kampung tersusun, mencantumkan tanah untuk menjalankan pertanian menggunakan jentera serta menubuhkan industri-industri menggunakan pelbagai bahan tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Kera-

jaan tidak berniat nak menyusahkan orang kampung atau merampas harta orang kampung dengan cara menyuruh mereka mencantumkan tanah terbiar dan mewujudkan kampung tersusun."

Perdana Menteri berkata kerajaan menggalakkan penduduk di Kampung Bukit Chawi melaksanakan mini-estet padi kerana tanahnya sesuai untuk tanaman itu serta boleh membantu mereka menambah pendapatan dengan tanaman kontan yang lain.